

Covid-19: Bicara kes Najib ditangguh lagi

KUALA LUMPUR: Perbicaraan kes penyelewengan dana syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) membabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sepanjang minggu ini di Mahkamah Tinggi di sini terhenti sekali lagi selepas seorang peguam belanya dikuarantin kerana menjadi kontak rapat beberapa individu positif Covid-19.

Ini kali keempat Covid-19 menjadi penyebab perbicaraan itu ditangguhkan.

Kali pertama pada 13 Mac tahun lalu apabila peguam bela utama, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah menjalani kuarantin selepas menjadi kontak langsung dengan individu disyaki dijangkiti virus itu dalam majlis



NAJIB TUN RAZAK

kenduri di kediamannya.

Pada 5 Oktober pula, perbicaraan tertangguh apabila Najib menjalani kuarantin sendiri dua minggu selepas pulang berkempen pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

Kali ketiga selepas saksi pendakwaan ke-10 yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Mohd. Hazem Abd. Rahman menjadi kontak rapat kepada seorang rakannya yang positif Covid-19.

Turut tertangguh ialah rayuan Najib berhubung sabitan salah dan hukuman denda RM210 juta serta penjara 12 tahun selepas didapati bersalah atas tujuh tuduhan berkaitan penyelewengan dana syarikat SRC International Sdn. Bhd. di Mahkamah Rayuan yang dijadualkan bersambung 6 Mei ini.

Perbicaraan kes 1MDB akan bersambung pada 17 Mei manakala pendengaran rayuan itu ditetapkan 18 Mei ini.

Peguam, Muhammad Farhan Muhammad Shafee ketika dihubungi berkata, penangguhan tersebut adalah akibat kebanyakan ahli pasukan pembelaan terpaksa menjalani ujian Covid-10 dan kuarantin sendiri kerana mereka semua bekerja rapat dengan peguam yang kini dikuarantin.

Sementara itu Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib ketika dihubungi turut mengesahkan penangguhan tersebut.

Jelasnya, pihak pembelaan memaklumkan mahkamah mengenai perkara tersebut pada Jumaat lalu (30 April) dan mahkamah membenarkan penangguhan pada hari sama.